

NO SOALAN :17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.08.2017

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian berkenaan Bitcoin sebagai mata wang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan kenyataan amaran pada 3 Januari 2014 bahawa BNM tidak mengiktiraf Bitcoin sebagai mata wang yang sah diperlakukan ('*legal tender*') serta mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan risiko yang berkaitan dengan penggunaan Bitcoin. Bitcoin terdedah kepada ketidakstabilan harga yang ketara

serta risiko kecurian siber dan penggodaman yang boleh menyebabkan kerugian wang dalam kalangan pengguna.

Memandangkan Bitcoin beroperasi tanpa kawalan dan penglibatan daripada mana-mana pengendali tunggal, Bitcoin tidak dapat dikawal selia secara menyeluruh oleh mana-mana pihak berkuasa di dunia termasuk BNM. Akibatnya, mekanisme perlindungan pengguna di bawah undang-undang kawalan selia BNM adalah tidak terpakai terhadap pemilik Bitcoin.

Orang ramai juga diingatkan supaya berhati-hati dengan kes penipuan kewangan ('*financial scam*') yang menggunakan Bitcoin atau mata wang digital yang lain. Tambahan pula, Bitcoin yang boleh digunakan tanpa mendedahkan identiti pengguna, boleh disalah gunakan untuk aktiviti pengubahan wang haram serta pembiayaan keganasan. Dalam hal ini, terdapat undang-undang yang sedia ada di Malaysia untuk menangani kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang melibatkan penggunaan Bitcoin.